

DEBORA Kebanggaan UMS

DEBORA menjadi kebanggaan pelajar UMS kerana mendapat sambutan daripada IPTA disekitar Sabah dan juga IPTA daripada semenanjung. Kecemerlangan DEBORA dalam melahirkan pelajar UMS yang fasih berdebat telah mengharumkan nama Universiti Malaysia Sabah. RTM turut hadir untuk membuat laporan Debora 2017.

Pendebat dan orang ramai merasakan debaran kemuncak apabila sesi pengumuman nama pemenang akan dilangsungkan. Tempat ketiga dimenangi oleh Kelab Debat Bahasa Melayu UMS yang dianggotai oleh Muhammad Najmie Rani, Nur Fitri Aida Jamli, Ana Shahara Abdul Talib dan Syafiqah Adilah Ansing. Naib Johan pula dimenangi oleh Siti Rozaida Zainol, Ida Afifah Mohd Hazani, Hafidzah Abdul Halim.

Johan Debat yang dinanti-nantikan oleh orang ramai pula di menangi oleh Universiti Teknologi Mara Sabah (UITM Sabah) iaitu Omar Sarif Omal Lamin, Muhammad Atha Jamari, Mernandez Manja Ak Meresan dan Muhammad Radzi Salleh. Pendebat daripada UITM tersebut tidak menyangka mereka terpilih menjadi Johan. Jelas terpancar kegembiraan di wajah masing-masing.



Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal dan Alumni menyampaikan hadiah kepada johan DEBORA

Foto Oleh Nan Syahirah Long Padang